


3

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

- YAYASAN HIJAU MALAYSIA

YAYASAN HIJAU MALAYSIA



RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, objektif penubuhan YHM **belum dicapai** sepenuhnya, amalan tadbir urus korporat **memuaskan** dan kedudukan kewangan **stabil**"



RM52.62 Juta

Terimaan
Geran Kerajaan



RM39.91 Juta

Perbelanjaan
Program



RM7.11 Juta

Lebihan Terkumpul
2021

PENCAPAIAN OUTPUT

5 daripada 6 sasaran KPI
Pengumpulan Dana **tidak dicapai**



4 daripada 12 sasaran
KPI Perbelanjaan Operasi
tidak dicapai

KPI Projek **tiada sasaran**
output

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

01

9 program **tidak selaras objektif**



Keberhasilan program
tidak dinilai


03

Peranan dan hala
tuju **tersasar**

PENGURUSAN AKTIVITI



PROGRAM GREEN GUARDIAN



Pusat Program Tidak Dimanfaatkan
RM0.99 Juta

Tunggakan
RM3.31 Juta

Operasi
Terhenti Sejak
Februari 2020



PROGRAM ESTECC



PROGRAM CETREE



Cekap



Cekap

TADBIR URUS KORPORAT

5 daripada 8 aspek tidak diamalkan sepenuhnya

- ✓ Penggerusi
- ✗ Lembaga Pemegang Amanah
- ✓ Setiausaha Syarikat
- ✓ Ketua Pegawai Eksekutif
- ✗ Prosedur Operasi Standard
- ✗ Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama
- ✗ Jawatankuasa Audit
- ✗ Audit Dalam

YAYASAN HIJAU MALAYSIA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Yayasan Hijau Malaysia (YHM) ditubuhkan dengan peranan untuk menggalak, memupuk, membangun dan menambah baik pendidikan dalam kecekapan tenaga, aplikasi teknologi hijau dan amalan gaya hidup hijau di peringkat akar umbi dalam masyarakat Malaysia. Aktiviti utama syarikat adalah bagi menjalankan program pendidikan dan kesedaran awam untuk meningkatkan penghayatan gaya hidup hijau di peringkat akar umbi serta mempromosi dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau di kalangan golongan sasar.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Pencapaian keberhasilan pula berdasarkan objektif penubuhan serta kesedaran dan penerimaan terhadap teknologi hijau.
- Tiga perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti ialah perancangan program, pengumpulan dana dan tajaan program serta pelaksanaan program dan pemantauan.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengurus; Lembaga Pemegang Amanah (LPA); Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan KPI; Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit (JKA); serta Audit Dalam bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- YHM berperanan penting dalam mempromosi, mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi berkenaan aplikasi teknologi hijau serta amalan gaya hidup hijau. Hal ini bagi merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menjadikan teknologi hijau sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menggalakkan pembangunan mampan.
- Sejak penubahannya, YHM telah menerima sejumlah RM52.62 juta geran daripada Kerajaan dan RM7.62 juta sumbangan swasta. YHM telah melaksanakan 101 program dengan perbelanjaan berjumlah RM39.91 juta.
- YHM tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan pada tahun 2013.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, YHM belum mencapai sepenuhnya objektif penubuhannya melalui aktiviti promosi, pendidikan dan kesedaran yang dimandatkan. Amalan terbaik tadbir urus korporat berada pada tahap memuaskan manakala aspek kedudukan kewangan YHM berada pada tahap stabil. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah seperti berikut:
 - YHM tidak menyediakan KPI syarikat. KPI yang disediakan mulai tahun 2020 merupakan KPI Ketua Pegawai Eksekutif.
 - hanya 50% sasaran KPI Pengumpulan Dana dan KPI Perbelanjaan Operasi dicapai. Lima daripada enam sasaran bagi KPI Pengumpulan Dana serta empat daripada 12 sasaran dalam KPI Perbelanjaan Operasi bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, 2021 dan 2022 tidak dicapai. Sasaran KPI Projek pula tidak ditetapkan. Selain itu, YHM tidak dapat mengekalkan nisbah rizab operasi minimum pada kadar 0.60 seperti yang disasarkan;
 - peranan dan hala tuju operasi YHM telah tersasar daripada objektif penubuhan. Selain itu, kaedah pengukuran bagi keberhasilan program tidak disediakan manakala penilaian keseluruhan terhadap keberhasilan program tidak dilaksanakan;
 - pengurusan Program Green Guardian adalah kurang cekap sehingga menyebabkan pengubahsuaian pusat program dan peralatan serta kelengkapan bernilai RM0.99 juta tidak dimanfaatkan sehingga tamat program akibat perpindahan pusat program. Selain itu, terdapat tunggakan bayaran operasi berjumlah RM3.31 juta. Program hanya beroperasi dari bulan Oktober 2018 hingga Februari 2020 (16 bulan); dan
 - berlaku kelemahan dalam aspek tadbir urus korporat berkenaan tempoh perkhidmatan ahli LPA, penyediaan SOP program, penetapan sasaran dan pencapaian KPI, pelantikan Pengerusi JKA, kelayakan ahli JKA dan penubuhan Audit Dalam.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - menetapkan sasaran output yang menyeluruh dan boleh diukur supaya pelaksanaan program mempunyai hala tuju yang jelas. Selain itu, keberhasilan program perlu dinilai bagi menentukan impak dan keberkesanannya terhadap objektif penubuhan YHM;
 - memastikan program yang dilaksanakan adalah selaras dengan perlembagaan syarikat yang berkuat kuasa.
 - meningkatkan usaha dalam pengumpulan dana terutamanya daripada sektor swasta bagi membayai program yang akan dilaksanakan tanpa menumpukan terimaan melalui geran Kerajaan. YHM juga disarankan untuk membuka keahlian

- korporat kepada syarikat swasta yang berkaitan bagi meningkatkan pendapatan dan sumbangan kepakaran;
- menyelesaikan tunggakan bayaran kepada operator program terlibat dengan segera bagi mengelakkan sebarang tuntutan perundungan dikenakan pada masa hadapan; dan
 - memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek LPA, SOP, Pelan Strategik dan KPI, JKA dan Audit Dalam.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

1. YAYASAN HIJAU MALAYSIA

FAKTA UTAMA

18.11.2013	RM52.62 juta	RM39.91 juta
Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]	Terimaan dana pelancaran, geran projek dan geran padanan semenjak penubuhan hingga bulan Mac 2022	Jumlah perbelanjaan program semenjak penubuhan hingga bulan Mac 2022
Objektif Penubuhan	Menggalak, memupuk, membangun dan menambah baik pendidikan dalam kecekapan tenaga, aplikasi teknologi hijau serta amalan gaya hidup hijau di peringkat akar umbi dalam masyarakat Malaysia	
Aktiviti Syarikat	Menjalankan program pendidikan dan kesedaran awam untuk meningkatkan penghayatan gaya hidup hijau di peringkat akar umbi serta mempromosi dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau di kalangan golongan sasar	
Jenis Syarikat	Syarikat berhad menurut jaminan	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Penubuhan Yayasan Hijau Malaysia (YHM) telah diumumkan pada 25 Oktober 2013 melalui pembentangan belanjawan tahun 2014 oleh YAB Perdana Menteri dengan peranan untuk mempromosi dan meningkatkan penyertaan pihak swasta, komuniti dan orang awam terhadap aplikasi teknologi hijau. YHM telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] pada 18 November 2013 sebagai syarikat berhad menurut jaminan tanpa mempunyai modal saham.

1.2. Semasa penubuhannya, YHM diletakkan di bawah seliaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Bagaimanapun, bermula 3 Julai 2018 hingga 9 Mac 2020, YHM telah diselia oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) disebabkan berlakunya perubahan dalam pentadbiran Kerajaan. Seterusnya pada 10 Mac 2020, berlaku penstrukturkan semula kementerian di peringkat Persekutuan menyebabkan YHM diletakkan di bawah seliaan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) hingga kini.

1.3. Berdasarkan perlembagaan syarikat, objektif penubuhan YHM adalah untuk menggalak, memupuk, membangun dan menambah baik pendidikan dalam kecekapan tenaga, aplikasi teknologi hijau serta amalan gaya hidup hijau di peringkat akar umbi dalam masyarakat Malaysia. Selain itu, YHM bermatlamat untuk menjadi pemangkin terhadap penggunaan teknologi hijau dalam menghubungkan amalan gaya hidup hijau; serta mewujudkan peluang baru dalam bidang inovasi, pekerjaan dan penggunaan komersial terhadap teknologi hijau yang telah dibangunkan.

1.4. Aktiviti utama YHM ialah melaksanakan program pendidikan serta kesedaran untuk meningkatkan penghayatan terhadap gaya hidup hijau di peringkat akar umbi dan sekolah khususnya dalam kalangan belia, lelaki, wanita, komuniti dan badan bukan kerajaan (NGO). Selain itu, YHM juga menggalakkan kecemerlangan dalam penyelidikan tenaga hijau; mempromosikan program pertukaran antarabangsa, perkongsian pengetahuan dan amalan gaya hidup hijau lain melalui aktiviti komuniti; dan menganjurkan, mengendali dan menyelaras kursus, latihan, seminar, bengkel dan aktiviti penerbitan. Setakat 31 Mac 2022, aktiviti yang dilaksanakan oleh YHM dibiayai melalui penerimaan dana pelancaran, geran projek dan geran padanan berjumlah RM52.62 juta serta sumbangan swasta berjumlah RM7.62 juta.

1.5. Perlembagaan YHM telah menetapkan empat jenis keahlian iaitu ahli kehormat, ahli korporat, ahli biasa dan ahli bersekutu. Setakat bulan Mac 2022, YHM mempunyai tiga ahli yang merupakan ahli biasa, manakala bagi jenis keahlian lain masih belum diisi. Lembaga Pemegang Amanah (LPA) YHM pula dianggotai oleh Pengurus dan tiga ahli LPA. Pengurusan YHM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh Ketua Pegawai Operasi/Ketua Pegawai Kewangan serta tiga ketua bahagian. Bilangan perjawatan YHM yang diisi setakat bulan Mac 2022 adalah seramai 17 orang daripada 24 perjawatan yang diluluskan (70.8%). Struktur organisasi YHM adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
STRUKTUR ORGANISASI YAYASAN HIJAU MALAYSIA



Sumber: Yayasan Hijau Malaysia

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan YHM melalui pengurusan aktiviti promosi, pendidikan dan kesedaran awam mengenai amalan gaya hidup hijau serta aplikasi teknologi hijau secara cekap, berkesan dan teratur; amalan tadbir urus korporat yang baik serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan aktiviti bagi melaksanakan program promosi, pendidikan dan kesedaran awam berkaitan amalan gaya hidup hijau serta aplikasi teknologi hijau yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mac 2022. Pemilihan aktiviti ini selaras dengan objektif penubuhan YHM. Dua bidang utama yang dinilai adalah prestasi dan pengurusan aktiviti promosi, pendidikan dan kesedaran awam. Bagi prestasi aktiviti, dua perkara yang dinilai adalah pencapaian output dan keberhasilan. Perkara yang dinilai dalam pencapaian output ialah pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YHM. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan objektif penubuhan serta kesedaran dan penerimaan terhadap teknologi hijau.

3.2. Sebanyak tiga perkara dinilai dalam pengurusan aktiviti iaitu perancangan program; pengumpulan dana dan tajaan program; serta pelaksanaan program dan pemantauan. YHM telah melaksanakan 36 program sepanjang tahun kewangan 2019 hingga 2022 melibatkan perbelanjaan RM34.47 juta. Sebanyak tiga daripada 36 program dinilai iaitu Green Guardian; ESTECC Education in Schools 2019 (ESTECC); serta Cetree & GT-USM¹. Perbelanjaan bagi tiga program berkenaan setakat 31 Mac 2022 ialah RM30.86 juta (89.5%) daripada keseluruhan perbelanjaan program.

3.3. Pengauditan juga dilaksanakan terhadap lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; LPA; Setiausaha Syarikat; KPE; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan KPI; Jawatankuasa Audit (JKA); serta Audit Dalam. Tempoh yang diliputi dalam aspek tadbir urus korporat adalah bagi tahun 2019 hingga bulan Mei 2022. Seterusnya, penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019, 2020 dan 2021.

3.4. Pengauditan dijalankan di Pejabat YHM, Menara PjH, Putrajaya manakala pemeriksaan fizikal Audit dijalankan di tapak Program Green Guardian di Pusat Sains

¹ Program Pembangunan Ilmu, Implementasi dan Aktiviti Kesedaran Teknologi Hijau Sekolah Menengah Merentasi Kurikulum dan Kokurikulum bagi Pemantapan Pendidikan Lestari.

Negara (PSN), Kuala Lumpur dan pejabat operator program di Sri Hartamas, Kuala Lumpur.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak pengurusan YHM serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di lokasi terpilih.

4.2. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan YHM yang telah diaudit oleh Tetuan HML & Co bagi tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.


5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan April hingga Mei 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada YHM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 17 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Berdasarkan mandat penubuhan YHM, aktiviti utama syarikat adalah bagi menjalankan program pendidikan dan kesedaran awam untuk meningkatkan penghayatan gaya hidup hijau di peringkat sekolah dan akar umbi serta mempromosi dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau di kalangan golongan sasaran. Sumber pendapatan YHM diperoleh melalui penerimaan dana pelancaran daripada KeTTHA, geran projek daripada kementerian berkaitan, geran projek serta geran padanan daripada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dan sumbangan daripada pihak swasta atau individu. Individu dan syarikat yang memberi sumbangan layak menuntut potongan cukai pendapatan seperti kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) bertarikh 24 Julai 2019. Hasil daripada pendapatan ini digunakan untuk melaksanakan aktiviti seperti yang dimandatkan kepada YHM. Secara amnya, model perniagaan YHM adalah seperti dalam **Carta 2.**

CARTA 2
MODEL OPERASI PERNIAGAAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.1. Pencapaian Output

- Menurut Green Book perenggan 3.2, penyediaan dan penggunaan KPI menjadi amalan tadbir urus korporat yang baik sebagai suatu kaedah bagi Lembaga Pengarah untuk menyelia prestasi syarikat dan menentukan sama ada syarikat telah diuruskan dengan betul.
- YHM tidak menyediakan KPI untuk menilai pencapaian syarikat, sebaliknya KPI yang disediakan mulai tahun 2020 merupakan KPI bagi menilai pencapaian KPE.** Bagi tahun kewangan 2020 dan 2021, KPI KPE dibentang dalam mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) pada 13 September 2019 dan diambil maklum oleh LPA melalui mesyuarat bertarikh 2 Disember 2019. KPI tahun kewangan 2022 dan 2023 dibentangkan dalam mesyuarat BNRC pada 7 Disember 2021. KPI berkenaan terdiri daripada KPI Pengumpulan Dana, KPI Projek dan KPI Perbelanjaan Operasi. KPI Pengumpulan Dana dan KPI Perbelanjaan Operasi menetapkan dua dan empat sasaran sebagai indikator KPI tersebut. Bagaimanapun, **tiada sasaran ditetapkan bagi KPI Projek untuk tujuan pengukuran dan penilaian.**

5.1.1.1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama

- a. Secara keseluruhannya, penilaian pencapaian KPI untuk KPE dibuat terhadap enam sasaran bagi tahun kewangan 2020 hingga 2022 manakala tiada sasaran KPI ditetapkan bagi tahun kewangan 2019. Semakan Audit mendapati **YHM tidak mencapai KPI yang ditetapkan antara tahun kewangan 2020 hingga 2022. Daripada 18 sasaran berkaitan KPI berkenaan, sembilan sasaran KPI (50%) telah dicapai oleh YHM manakala sembilan sasaran (50%) tidak dicapai.** Ringkasan mengenai sasaran dan pencapaian output adalah seperti dalam **Jadual 1.**

**JADUAL 1
SASARAN DAN PENCAPAIAN OUTPUT KPI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 HINGGA 2022**

KATEGORI KPI	TAHUN KEWANGAN									JUMLAH		
	2020			2021			2022*					
	S	P	PP (%)	S	P	PP (%)	S	P	PP (%)	S	P	PP (%)
Pengumpulan Dana	2	1	50.0	2	0	0.0	2	0	0.0	6	1	16.7
Projek	Tiada Sasaran Output Ditetapkan											
Perbelanjaan Operasi	4	3	75.0	4	2	50.0	4	3	75.0	12	8	66.7
JUMLAH	6	4	66.7	6	2	33.3	6	3	50.0	18	9	50.0

Sumber: Minit Mesyuarat BNRC, Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2020 dan 2021 serta Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

Nota: i. (*) - KPI dinilai berdasarkan Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

ii. KPI bagi Tahun Kewangan 2019 tidak ditetapkan

S - Sasaran


P - Pencapaian

PP - Peratus pencapaian


- b. Analisis Audit dilaksanakan terhadap sasaran yang **tidak tercapai bagi lima daripada enam KPI Pengumpulan Dana serta empat daripada 12 KPI Perbelanjaan Operasi sepanjang tahun kewangan 2020 hingga 2022.** KPI Pengumpulan Dana tidak dapat dicapai disebabkan aktiviti program tidak dapat dilaksanakan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada awal tahun 2020 kesan daripada penularan Covid-19 telah menjaskan aktiviti pengumpulan dana.
- c. BNRC dalam mesyuarat pada 25 Jun 2021 telah mencadangkan supaya pengurusan membuat kajian pertengahan KPI. Semakan Audit mendapati **YHM telah membentangkan KPI 2022 dan 2023 kepada BNRC dalam mesyuarat pada 7 Disember 2021 namun tiada sebarang perubahan terhadap KPI diputuskan.**

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati **pendapatan YHM menunjukkan trend menurun bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021** selari dengan KPI Pengumpulan Dana yang tidak tercapai. Pendapatan YHM pada tahun kewangan 2020 berjumlah RM11.22 juta menurun sejumlah RM3.21 juta (22.2%) berbanding tahun kewangan 2019, manakala pendapatan pada tahun kewangan 2021 berjumlah RM3.93 juta menurun sejumlah RM7.29 juta (65%) berbanding tahun kewangan 2020. Perbelanjaan pada tahun kewangan 2020 pula berjumlah RM9.27 juta menurun sejumlah RM4.67 juta (33.5%) berbanding tahun kewangan 2019 manakala perbelanjaan tahun kewangan 2021 dicatatkan berjumlah RM3.23 juta menurun sejumlah RM6.04 juta (65.2%).
- e. YHM mencatatkan lebihan sebelum cukai berjumlah RM491,165 pada tahun kewangan 2019, RM1.95 juta pada tahun kewangan 2020 dan RM0.70 juta pada tahun kewangan 2021. Lebihan terkumpul YHM mencatatkan peningkatan iaitu RM4.54 juta pada tahun kewangan 2019, RM6.45 juta pada tahun kewangan 2020 dan RM7.11 juta pada tahun kewangan 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 3** dan **Carta 4**.

CARTA 3
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN
2019, 2020 DAN 2021



CARTA 4
LEBIHAN SEBELUM CUKAI SERTA LEBIHAN
TERKUMPUL BAGI TAHUN KEWANGAN
2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019, 2020 dan 2021

- f. Secara keseluruhannya, margin lebihan bersih YHM bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021 adalah baik kerana mencatatkan lebihan sepanjang tiga tahun. Lebihan bersih dicatatkan sebanyak 3% bagi tahun 2019, 17.3% bagi tahun kewangan 2020 dan 17.5% bagi tahun kewangan 2021 walaupun lebihan atas pendapatan bagi tahun kewangan 2021 menurun. Pulangan atas

aset YHM juga bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021 adalah baik iaitu sebanyak 5.8% bagi tahun kewangan 2019, 27.1% bagi tahun kewangan 2020 dan 8% bagi tahun kewangan 2021. Keadaan ini menunjukkan YHM berupaya menjana lebihan pendapatan daripada penggunaan asetnya. Pulangan atas ekuiti YHM bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021 adalah baik iaitu sebanyak 9.3% bagi tahun kewangan 2019, 29.6% bagi tahun kewangan 2020 dan 9.3% bagi tahun kewangan 2021.

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022 dan 1 Julai 2022

KPI syarikat bagi tahun kewangan 2022 telah ditetapkan berdasarkan KPI KPE dan dijadualkan telah dibentangkan dan diperakui dalam BNRC pada 23 Jun 2022. KPI ini akan dibentangkan dalam mesyuarat LPA yang dijadualkan pada bulan Julai 2022.

Bagi tahun kewangan 2020 hingga 2022, YHM terkesan dengan PKP sehingga menyebabkan aktiviti tidak dapat dilaksanakan seterusnya menjelaskan aktiviti pengumpulan dana oleh YHM. Kesan daripada itu, YHM tidak berupaya untuk mencapai sasaran KPI Pengumpulan Dana kerana tidak dapat berhubung dengan syarikat berpotensi bagi memberi sumbangan. Penurunan pendapatan melalui terimaan sumbangan pada tahun kewangan 2020 dan 2021 menyebabkan YHM tidak dapat mengekalkan sasaran rizab operasi sebanyak 0.60.

YHM telah memulakan usaha dalam meningkatkan aktiviti pengumpulan dana. Setakat 19 Jun 2022, anggaran terimaan sumbangan dan perjanjian persefahaman yang telah ditandatangani ialah RM5.11 juta.

Pendapat Audit | **YHM tidak berjaya mencapai sasaran KPI Pengumpulan Dana dan KPI Perbelanjaan Operasi bagi tempoh tahun kewangan 2020 hingga 2022 disebabkan PKP dan tiada kajian semula KPI dilakukan. Selain itu, sasaran output KPI Projek yang tidak ditetapkan menunjukkan syarikat tidak mempunyai perancangan yang jelas untuk mencapai objektif syarikat.**

5.1.1.2. KPI Pengumpulan Dana

- a. YHM telah menetapkan KPI Pengumpulan Dana dengan sasaran untuk mendapatkan dana berjumlah RM10 juta setahun. KPI ini melibatkan dua sasaran iaitu terimaan daripada sumbangan swasta dan derma terhad

kepada RM4 juta setahun serta terimaan melalui dana dan geran Kerajaan dengan jumlah RM6 juta setahun.

- b. Semakan Audit terhadap aktiviti pengumpulan dana bagi tahun kewangan 2020 hingga 2022 mendapati YHM hanya mencapai sasaran yang ditetapkan melalui terimaan dana dan geran Kerajaan bagi tahun kewangan 2020. Butiran lanjut berkenaan sasaran dan pencapaian KPI Pengumpulan Dana adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI PENGUMPULAN DANA
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 HINGGA 2022

KPI	S (RM Juta)	TAHUN KEWANGAN					
		2020		2021		2022*	
		P (RM Juta)	PP (%)	P (RM Juta)	PP (%)	P (RM Juta)	PP (%)
Sumbangan Swasta dan Derma Setahun	4	1.76	44.0	0.54	13.5	0.71	17.7
Terimaan Dana dan Geran Kerajaan Setahun	6	7.10	118.3	3.06	51.0	1.38	23.0
JUMLAH	10	8.86	88.6	3.60	36.0	2.09	20.9

Sumber: Minit Mesyuarat BNRC, Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2020 dan 2021 serta Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

Nota: i. (*) - KPI dinilai berdasarkan Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

ii. KPI bagi tahun kewangan 2019 tidak ditetapkan

S - Sasaran


P - Pencapaian

PP - Peratus Pencapaian

- c. Analisis Audit mendapati **YHM tidak mencapai sasaran prestasi KPI Pengumpulan Dana bagi terimaan sumbangan swasta dan derma berjumlah RM4 juta setahun bagi 2020 hingga 2022**. Pada tahun kewangan 2020, YHM hanya mendapatkan sejumlah RM1.76 juta (44%), RM0.54 juta (13.5%) pada tahun kewangan 2021 dan RM0.71 juta (17.7%) pada tahun kewangan 2022 berbanding sasaran yang ditetapkan.
- d. Analisis Audit juga mendapati KPI Pengumpulan Dana bagi sasaran terimaan dana dan geran Kerajaan berjumlah RM6 juta setahun hanya dicapai pada tahun kewangan 2020 dengan jumlah RM7.10 juta (118.3%). **Prestasi terimaan dana dan geran Kerajaan tidak mencapai sasaran untuk tahun kewangan 2021 dan 2022 serta menunjukkan trend penurunan. Jumlah terimaan pada tahun kewangan 2021 adalah RM3.06 juta (51%) dan pada tahun kewangan 2022 adalah RM1.38 juta (23%)**.

- e. Secara keseluruhan, YHM memperoleh dana berjumlah RM8.86 juta (88.6%) pada tahun kewangan 2020 daripada keseluruhan RM10 juta yang disasarkan. Namun pada tahun kewangan 2021 dan 2022, YHM hanya memperoleh RM3.60 juta (36%) dan RM2.09 juta (20.9%) dana daripada keseluruhan sasaran yang ditetapkan. Pihak Audit juga mendapati aktiviti pengumpulan dana lebih tertumpu kepada terimaan dana dan geran daripada Kerajaan manakala usaha YHM dalam memperoleh sumbangan swasta dan derma belum mencapai sasaran. Pengumpulan dana oleh YHM adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
PENGUMPULAN DANA BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019 hingga 2021 dan Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

- f. Jemaah Menteri melalui mesyuarat pada 1 November 2013 bersetuju untuk Kerajaan menyalurkan peruntukan melalui konsep geran padanan pada nisbah 1:1 menggunakan dana AAIBE. Jumlah peruntukan adalah bersamaan dengan jumlah sumbangan pihak swasta. Peruntukan ini bertujuan bagi membolehkan YHM menjalankan program serta aktiviti promosi dan kesedaran secara berterusan.
- g. Semakan Audit mendapati setakat bulan Mac 2022, YHM telah menerima geran padanan menggunakan peruntukan AAIBE berjumlah RM4.01 juta seperti dalam **Jadual 3**. Pada 23 Februari 2021, LPA telah memutuskan untuk menyalurkan semula terimaan geran padanan pada kadar 100% bagi program yang dilaksanakan dalam tempoh kurang setahun kepada pengurusan dan perbelanjaan operasi YHM. Bagi program yang dilaksanakan melebihi tempoh

setahun, 60% daripada terimaan geran padanan akan disalurkan sebagai peruntukan program manakala 40% pula akan disalurkan kepada pengurusan dan operasi YHM.

JADUAL 3
TERIMAAN GERAN PADANAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 HINGGA 2022

TAHUN KEWANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2020	1.96
2021	1.51
2022*	0.54
JUMLAH	4.01

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2020 dan 2021 serta Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022
Nota: (*) - Jumlah Geran Padanan berdasarkan Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

- h. Klaus 18 dalam Perlembagaan YHM memperuntukkan keahlian YHM meliputi ahli kehormat, ahli korporat, ahli biasa dan ahli bersekutu. Bilangan ahli korporat dan ahli biasa hendaklah tidak kurang daripada dua ahli dan tidak lebih daripada 50 ahli. Klaus 24 pula menetapkan pembayaran oleh ahli korporat, ahli biasa atau ahli bersekutu sejumlah yuran keahlian tahunan yang ditentukan oleh LPA sebelum disahkan sebagai ahli YHM. Terimaan yuran keahlian ini sepatutnya menjadi hasil tahunan kepada YHM. Mesyuarat LPA pada 28 November 2013 telah menetapkan yuran keahlian bagi ahli biasa berjumlah RM10 manakala yuran keahlian bagi ahli korporat akan ditentukan pada masa hadapan.
- i. Semakan Audit mendapati hingga bulan Mac 2022, bilangan ahli YHM adalah seramai tiga orang yang terdiri daripada ahli biasa. **Antara tahun kewangan 2019 hingga Mac 2022, tiada aktiviti dilaksanakan untuk meningkatkan bilangan keahlian.** Semakan selanjutnya mendapati **YHM tidak pernah mengutip yuran tahunan daripada ahli biasa manakala kadar yuran keahlian bagi ahli korporat juga tidak pernah ditentukan oleh syarikat.** Ketiadaan keahlian dalam kalangan ahli korporat atau ahli bersekutu merupakan antara sebab terimaan yuran keahlian tidak menyumbang kepada pendapatan YHM.

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022

Penurunan pendapatan melalui terimaan sumbangan pada tahun kewangan 2020 dan 2021 adalah disebabkan aktiviti tidak dapat dilaksanakan kerana penguatkuasaan PKP seterusnya menjelaskan aktiviti pengumpulan dana oleh

YHM. PKP juga telah memberi kesan kepada kewangan badan swasta seterusnya menyebabkan YHM tidak berupaya melaksanakan program yang dirancang melibatkan aktiviti tajaan dana daripada sektor swasta. Oleh kerana keperluan untuk meneruskan aktiviti yang dirancang oleh YHM, maka sumber yang ada pada masa PKP ialah menumpukan aktiviti yang dibiayai oleh Kerajaan.

Kutipan yuran keahlian daripada ahli biasa tidak dijalankan sejak penubuhan YHM dan kadar yuran bagi ahli korporat juga belum ditetapkan. Perkara ini akan dibawa semula dan dibentangkan ke Mesyuarat LPA yang akan datang bagi mendapatkan keputusan berkenaan Klausu 24 Perlembagaan YHM.

Pendapat Audit | **Usaha syarikat dalam mencapai prestasi pengumpulan dana adalah kurang berkesan memandangkan jumlah pungutan dana menunjukkan trend penurunan. YHM juga lebih menumpukan kepada terimaan geran daripada Kerajaan dalam melaksanakan programnya.**

5.1.1.3. KPI Projek

- a. KPI Projek bagi tahun kewangan 2020 dan 2021 telah dibentangkan kepada BNRC pada 13 September 2019 yang meliputi lima skop untuk dilaksanakan iaitu program dana teras strategik, program kerjasama, program B40, program komunikasi dan program jalinan hubungan. KPI Projek bagi tahun kewangan 2022 dan 2023 yang dibentangkan kepada BNRC pada 7 Disember 2021 turut mengekalkan skop terdahulu untuk dilaksanakan.
- b. Semakan Audit mendapati **sasaran output secara menyeluruh bagi KPI Projek tidak ditetapkan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan program yang dirancang untuk dilaksanakan secara tahunan.**

Maklum balas YHM yang diterima pada 1 Julai 2022

YHM telah mengadakan perbincangan dalaman dengan ketua-ketua unit pada 10 Jun 2022 dan melaksanakan penambahbaikan terhadap penetapan sasaran KPI utama. KPI bagi setiap program untuk tahun semasa dan akan datang disusun semula dan digabungkan secara menyeluruh.

Pendapat Audit | YHM kurang cekap dalam menguruskan pelaksanaan programnya. KPI Projek yang tidak ditetapkan secara menyeluruh menunjukkan perancangan syarikat yang kurang jelas dalam melaksanakan program.

5.1.1.4. KPI Perbelanjaan Operasi

- a. YHM dalam pembentangan KPI KPE tahun kewangan 2020 dan 2021 di mesyuarat BNRC² pada 13 September 2019 turut membentangkan empat sasaran dalam KPI Perbelanjaan Operasi (OPEX). KPI ini meliputi sasaran mengekalkan nisbah rizab operasi (ORR) pada kadar sekurang-kurangnya 0.60; mengawal nisbah perbelanjaan program pada kadar sekurang-kurangnya 0.60; memastikan nisbah perbelanjaan operasi program tidak melebihi 0.20 dan mengekalkan pertumbuhan perbelanjaan operasi tahunan pada kadar lebih kurang 10%. BNRC dalam mesyuarat pada 7 Disember 2021 telah bersetuju untuk mengekalkan KPI ini bagi tahun kewangan 2022 dan 2023.
- b. Semakan Audit mendapati daripada empat sasaran yang ditetapkan pada setiap tahun, YHM telah mencapai tiga sasaran bagi tahun kewangan 2020, dua sasaran pada tahun kewangan 2021 dan tiga sasaran bagi tahun kewangan 2022. **YHM tidak mencapai sasaran untuk mengekalkan nisbah rizab operasi minimum pada kadar 0.60 pada setiap tahun. Pencapaian YHM terhadap sasaran ini adalah pada kadar 0.40 pada tahun kewangan 2020, 0.38 pada tahun kewangan 2021 dan 0.26 pada tahun kewangan 2022. YHM juga tidak dapat mencapai satu sasaran untuk mengekalkan pertumbuhan OPEX pada kadar lebih kurang 10% setahun apabila mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.3% pada tahun kewangan 2021.** Butiran KPI Perbelanjaan Operasi adalah seperti dalam **Jadual 4**.

² Menurut YHM, pembentangan KPI kepada BNRC atas tujuan penilaian prestasi KPE dan pemantauan.

JADUAL 4
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI PERBELANJAAN OPERASI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 HINGGA 2022

SASARAN KPI	S	TAHUN KEWANGAN					
		2020		2021		2022*	
		P	PP (%)	P	PP (%)	P	PP (%)
Mengekalkan Nisbah Rizab Operasi Minimum	0.60	0.40	66.7	0.38	63.3	0.26	43.3
Mengawal Nisbah Perbelanjaan Program Minimum	0.60	0.99	165.0	0.99	165.0	0.99	165.0
Memastikan Nisbah Perbelanjaan Operasi Tidak Melebihi	0.20	0.01	2,000.0	0.01	2,000.0	0.01	2,000.0
Mengekalkan Pertumbuhan OPEX	+- 10%	8.8%	113.6	10.3%	97.0	2.5%	400.0

Sumber: Minit Mesyuarat BNRC, Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2020 dan 2021 serta Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

Nota: i. (*) - KPI dinilai berdasarkan Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022

ii. KPI bagi Tahun Kewangan 2019 tidak ditetapkan

S - Sasaran

P - Pencapaian

PP - Peratus Pencapaian

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022

YHM tidak dapat mengekalkan sasaran rizab operasi pada kadar 0.60 kesan daripada penurunan pendapatan dalam tempoh tahun kewangan 2020 hingga 2022. YHM tidak berupaya untuk meningkatkan pendapatan melalui sumbangan pihak swasta kerana tidak dapat berhubung dengan syarikat berpotensi bagi memberi sumbangan disebabkan PKP pada tempoh tersebut.

Pertumbuhan OPEX pada tahun kewangan 2021 melebihi 10% atas sebab peningkatan/perubahan kos luar jangka. Bagaimanapun, jumlah sebenar OPEX pada tahun kewangan 2021 berjumlah RM2.26 juta masih di bawah Bajet Tahunan 2021 yang telah diluluskan oleh LPA iaitu sebanyak RM2.50 juta.

Pendapat Audit | **Pengurusan perbelanjaan operasi tidak dilaksanakan dengan cekap kerana tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan terutamanya untuk mengekalkan nisbah rizab operasi minimum pada kadar 0.60.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Objektif Penubuhan

- Berdasarkan Perlembagaan YHM, objektif penubuhan YHM adalah untuk menggalak, memupuk, membangun dan menambah baik pendidikan dalam

kecekapan tenaga, aplikasi teknologi hijau dan amalan gaya hidup hijau di peringkat akar umbi dalam masyarakat Malaysia.

- b. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mei 2021 telah bersetuju terhadap perluasan skop dan fungsi YHM sebagai penggerak utama dalam melaksanakan komunikasi strategik, pendidikan dan kesedaran awam (Communication, Education and Public Awareness – CEPA). Skop dan fungsi YHM juga turut meliputi pembangunan dan pengurusan yang mampan dalam sektor tenaga dan sumber asli.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga ke tarikh pgauditan, **objektif penubuhan YHM dalam Perlembagaan masih belum dipinda**. Hal ini disebabkan YHM belum mendapat kelulusan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati **skop aktiviti bagi sembilan program yang dilaksanakan antara tahun kewangan 2019 hingga 2022 tidak berdasarkan bidang teknologi hijau atau amalan gaya hidup hijau**. Skop program tersebut meliputi bidang sains, teknologi dan inovasi, tenaga dan sumber asli serta biodiversiti. Senarai program tersebut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PROGRAM YANG TIDAK BERDASARKAN TEKNOLOGI HIJAU
ATAU AMALAN GAYA HIDUP HIJAU

BIL.	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	SKOP
1.	ESTECC	3,008,584	Sains, teknologi dan inovasi
2.	Hydro Project	547	Tenaga
3.	Harimau Malaya	5,790	Biodiversiti
4.	KeTSA Communication Strategic Plan	129,556	Penjenamaan dan komunikasi KeTSA
5.	Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia	292,080	Tenaga dan sumber asli
6.	Program Perluasan STEM-Biodiversiti Secara Dalam Talian	250,734	Biodiversiti
7.	Program Pendengaran Awam SOP Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE)	44,580	Tenaga dan sumber asli
8.	Majlis Pelancaran Kerangka Pelan Transformasi Industrial Mineral Negara (TIM) 2021-2030	87,800	Sumber asli
9.	Dubai Expo 2020	400,668	Tenaga dan sumber asli

Sumber: Laporan Akhir Program dan Minit Mesyuarat LPA

- e. Semakan Audit turut mendapati **peranan YHM dalam enam daripada sembilan program tersebut tidak lagi memfokuskan kepada aktiviti promosi, pendidikan atau kesedaran berkaitan teknologi hijau dan amalan gaya hidup hijau. Peranan YHM dalam program tersebut adalah sebagai pihak yang melaksanakan pemilihan pembekal perkhidmatan, menguruskan keperluan logistik atau penyelaras program KeTSA.** Senarai program tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PELAKSANAAN PROGRAM YANG TIDAK SELARAS DENGAN
PERANAN PENUBUHAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA

BIL.	PROGRAM	PERANAN
1.	ESTECC	Agensi peneraju dan bertanggungjawab dalam pemilihan dan pelantikan operator program serta memantau pelaksanaan program.
2.	KeTSA Communication Strategic Plan	Membangunkan rangka kerja komunikasi strategik dan penyelaras aktiviti komunikasi KeTSA bagi penyediaan pelan komunikasi strategik.
3.	Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia	Agensi pelaksana bagi pemilihan pembekal perkhidmatan untuk penganjuran majlis.
4.	Program Pendengaran Awam SOP Perlombongan NR-REE	Menguruskan keperluan logistik program.
5.	Majlis Pelancaran Kerangka Pelan Transformasi Industrial Mineral Negara (TIM) 2021-2030	Agensi peneraju bagi pemilihan pembekal perkhidmatan untuk penganjuran majlis pelancaran.
6.	Dubai EXPO 2020	Penyelaras bagi penyertaan KeTSA ke Exposition Large-Scale Public Exhibiton (EXPO) daripada segi logistik, perbelanjaan dan lain-lain.

Sumber: Laporan Akhir Program dan Minit Mesyuarat LPA

- f. Perubahan skop dan peranan YHM dalam tempoh tersebut berpunca daripada perubahan kuasa kawal selia terhadap YHM. Kawal selia YHM yang diletakkan di bawah KeTTHA semasa penubuhannya telah diubah di bawah MESTECC antara 3 Julai 2018 hingga 9 Mac 2020 manakala bermula 10 Mac 2020 hingga kini, YHM diletakkan di bawah KeTSA. Perubahan ini mengakibatkan skop dan fungsi penubuhan YHM turut mengalami perubahan selaras dengan fungsi kementerian kawal selia serta peranan yang diterima dari semasa ke semasa.

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022, 1 dan 20 Julai 2022

Program yang dilaksanakan oleh YHM seperti yang disenaraikan oleh pihak Audit adalah program yang dipertanggungjawabkan oleh kementerian yang mengawal selia YHM ketika itu. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program tersebut selari dengan skop objektif YHM yang memfokuskan kepada aktiviti promosi, pendidikan dan kesedaran awam seperti berikut:

- Program ESTECC dapat menarik minat pelajar sekolah rendah dan menengah khususnya di luar bandar dengan mempromosi bidang sains, teknologi dan perubahan iklim.
- Bagi Program KeTSA Communication Strategic Plan, YHM berperanan dalam mengintegrasikan komunikasi dalam KeTSA dan penjenamaan semula KeTSA.
- Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia memberi pendedahan kepada masyarakat tentang keunikan hutan di Malaysia dan keperluan menjaga hutan dengan aktiviti kempen menanam pokok di seluruh Malaysia. Daripada kempen ini, hutan Malaysia dan ekosistem akan terus terpelihara.
- Penglibatan YHM dalam Program Pendengaran Awam SOP Perlombongan NR-REE memastikan penyebaran maklumat NR-REE disampaikan dengan berkesan, menarik dan tepat secara menyeluruh kepada segenap lapisan masyarakat. YHM dapat menyuntik kesedaran kepada rakyat akan kepentingan nadir unsur bumi dan impak kepada ekonomi Malaysia. Program ini meyakinkan rakyat bahawa aktiviti perlombongan nadir unsur bumi adalah mengikut SOP yang ditetapkan dan beroperasi secara selamat dan memastikan maklumat kelangsungan biodiversiti dan ekosistem terjaga.
- YHM melalui Majlis Pelancaran Kerangka Pelan TIM Negara 2021-2030 memberi kesedaran mengenai ketinggian nilai mineral negara. Oleh itu, sumber asli ini perlu dibangunkan secara bertanggungjawab dan mampan. YHM turut memberi pendedahan bahawa industri ini sebagai penyumbang utama kemajuan ekonomi negara.
- Pelaksanaan Dubai Ekspo 2020 menarik minat pelabur-pelabur asing melalui pendedahan berkaitan inisiatif di bawah KeTSA seperti berkongsi dan mempromosikan Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga yang telah dilaksanakan oleh Malaysia. Ekspo ini juga mempamerkan kekayaan biodiversiti semula jadi serta usaha Malaysia dalam melindungi dan memelihara sumber asli.

YHM telah dimaklumkan mengenai kelulusan perluasan skop dan fungsi YHM oleh KeTSA pada 20 Mei 2021 dan dipanjangkan kepada Setiausaha Syarikat pada 25 Mei 2021 melalui e-mel. Mesyuarat Luar Biasa telah diadakan pada 30 Mac 2022 bagi meluluskan perluasan skop dan fungsi YHM manakala keratan

minit mesyuarat berkenaan telah diserahkan kepada Setiausaha Syarikat pada 17 Mei 2022 untuk dikemukakan bersama dokumen permohonan rasmi kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Permohonan rasmi kepada SSM telah dikemukakan bersama dokumen yang berkaitan pada 9 Jun 2022. Pindaan Perlembagaan YHM telah diluluskan oleh YB Menteri pada 19 Julai 2022.

Pendapat Audit | **Peranan dan hala tuju operasi YHM telah tersasar daripada objektif penubuhannya. Perubahan kementerian kawal selia terhadap pengurusan YHM turut memberi kesan kepada pelaksanaan program oleh YHM.**

5.1.2.2. Kesedaran dan Penerimaan Terhadap Teknologi Hijau

- a. Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Julai 2009. DTHN menggariskan lima teras strategik dengan matlamat untuk memperkuuhkan rangka kerja institusi; menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan teknologi hijau; memperkasakan pembangunan modal insan dalam teknologi hijau; memperhebatkan penyelidikan dan inovasi teknologi hijau; serta; mempromosi dan memberi kesedaran awam.
- b. Pelan Induk Teknologi Hijau 2017 - 2030 (PITH) pula menyediakan arahan strategik yang boleh diambil tindakan untuk menyokong DTHN. PITH turut menggariskan promosi dan kesedaran sebagai teras strategik pertama. Sasaran keberhasilan yang ditetapkan melalui teras strategik ini ialah peningkatan kesedaran dan penerimaan ke arah teknologi hijau; peningkatan dalam transaksi perniagaan; keusahawanan dan integrasi rantai nilai global; serta peningkatan pengetahuan tentang teknologi hijau di kalangan generasi muda untuk memacu perubahan tingkah laku. Peranan YHM dalam DTHN dan PITH adalah berdasarkan teras strategik promosi dan kesedaran.
- c. Semakan Audit mendapati YHM telah membuat perbelanjaan berjumlah RM39.91 juta terhadap 101 program semenjak penubuhannya sama ada secara langsung atau melalui kerjasama dengan agensi kerajaan atau pihak swasta. Bagaimanapun, **YHM tidak menetapkan kaedah pengukuran dan tidak melaksanakan penilaian secara menyeluruh terhadap keberhasilan serta impak daripada**

program yang dilaksanakan. Oleh itu, sasaran keberhasilan berkaitan DTHN dan PITH tidak dapat ditentukan.

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022 dan 1 Julai 2022

YHM telah mengadakan perbincangan dalaman di peringkat pengurusan dengan ketua-ketua unit dan mengarahkan kesemua program hendaklah dijalankan proses penilaian keberkesanan program. Penilaian keberhasilan dan impak daripada setiap program akan dimasukkan sebagai salah satu KPI dalam setiap program.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, tahap pencapaian keberhasilan tidak dapat ditentukan kerana YHM tidak menetapkan kaedah pengukuran dan tidak melaksanakan penilaian keberhasilan secara menyeluruh.

5.2. Pengurusan Aktiviti Promosi, Pendidikan dan Kesedaran

YHM telah melaksanakan 36 program sepanjang tahun kewangan 2019 hingga 2022. Semakan telah dijalankan terhadap tiga program iaitu Green Guardian, ESTECC dan Cetree & GT-USM. Butiran program adalah seperti dalam **Jadual 7**. Pengurusan aktiviti daripada aspek perancangan untuk ketiga-tiga program telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Hasil semakan daripada aspek pengumpulan dana dan tajaan serta pelaksanaan dan pemantauan program adalah seperti perenggan berikutnya.

JADUAL 7
BUTIRAN PROGRAM GREEN GUARDIAN, ESTECC DAN CETREE & GT-USM

PERIHAL	GREEN GUARDIAN	ESTECC	CETREE & GT-USM
Objektif Program	Menyediakan nilai kualiti dalam pendidikan kepada pelajar melalui sistem pembelajaran yang interaktif. Program ini menggunakan pendekatan yang komprehensif dan dinamik dalam menyampaikan mesej berkaitan kepentingan gaya hidup hijau dan sihat, penjagaan alam sekitar serta mempromosi teknologi hijau.	Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian; menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar memilih jurusan Science, Technology, Engineering, and Math (STEM); dan memahami, membudaya dan mengaplikasi pengetahuan mengenai sains dan teknologi.	Mewujudkan kesedaran dan aplikasi teknologi hijau menerusi pendidikan di peringkat sekolah; melatih guru sekolah menengah dan memindahkan ilmu pengetahuan kepada murid dalam metodologi dan pelaksanaan teknologi hijau merentasi kurikulum dan kokurikulum.
Skop Program	i. Pembinaan dan pengubahsuaian pusat program serta operasi Program Green Guardian di The Curve, Kuala Lumpur. ii. Tambahan skop program bagi pengubahsuaian pusat	i. Kunjungan pelajar sekolah ke Tech Dome Penang (TDP) dan kunjungan staf TDP ke sekolah bagi menjalankan aktiviti dan pameran berkaitan STEM.	i. Pembangunan modul kurikulum dan kokurikulum teknologi hijau sekolah menengah. ii. Pemantapan ilmu teknologi hijau jurulatih utama pakar dan jurulatih utama sekolah

PERIHAL	GREEN GUARDIAN	ESTECC	CETREE & GT-USM
	program di Pusat Sains Negara (PSN) serta operasi program disebabkan perpindahan pusat program di The Curve.	ii. Aktiviti <i>hands on</i> untuk pelajar sekolah rendah dan menengah bagi memupuk dan meningkatkan minat dalam sains, teknologi dan inovasi. iii. Program jangkauan jangka masa panjang dengan MESTECC untuk mempromosikan dan memupuk minat sains di kalangan pelajar Malaysia melalui aktiviti STEM.	menengah menerusi bengkel bersiri. iii. Percetakan/penghasilan dan agihan modul kurikulum dan kokurikulum serta bahan bantu mengajar teknologi hijau sekolah menengah. iv. Pengintegrasian dan penstabilan pendidikan teknologi hijau sekolah menengah.
Tarikh Kelulusan Program oleh LPA	28 September 2016	2 Disember 2019	17 Julai 2014
Operator Program Dilantik/ Rakan Usahasama	Syarikat 1086219-V	i. Syarikat 946261-M ii. Syarikat 1124409-H iii. Syarikat 854286-D	Usahasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM)
Tarikh Perjanjian	i. 9 Mac 2018 - Perjanjian YHM dan Kerajaan melibatkan peruntukan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) ii. 1 November 2019 - Perjanjian YHM dan Kerajaan melibatkan peruntukan AAIBE iii. 23 Oktober 2017 - Perjanjian YHM dan operator program iv. 15 Oktober 2018 - Perjanjian tambahan antara YHM dan operator program	1 Ogos 2019 – Perjanjian YHM dan operator program	i. 20 Mei 2015 – Perjanjian YHM dan Kerajaan ii. 20 Mei 2015 – Perjanjian YHM dan USM iii. 28 Disember 2017 – Perjanjian tambahan YHM dan Kerajaan
Tempoh Mengikut Perjanjian	i. 23 Oktober 2017 hingga 29 Oktober 2018 - Pembinaan The Curve ii. 15 Oktober 2018 hingga 15 Oktober 2022 - Operasi di The Curve iii. 1 November 2019 hingga 20 April 2020 – Pengubahsuaian pusat program di PSN	1 Ogos 2019 hingga 31 Disember 2019	20 Mei 2015 hingga 20 Mei 2019
Perlanjutan Perjanjian	31 Disember 2020 – Perjanjian tambahan YHM dan Kerajaan melibatkan peruntukan AAIBE	-	21 Mei 2019 – Perjanjian perlanjutan pertama YHM dan Kerajaan
Kos Program (RM Juta)	44.00 (Anggaran kos program untuk lima tahun)	3.00	10.80
Geran Kerajaan (RM Juta)	13.98	3.00	10.80
Sumbangan Swasta (RM Juta)	1.49	-	-
Perbelanjaan setakat 31.03.2022 (RM Juta)	18.93	3.01	10.51

Sumber: Fail Program

5.2.1. Pengumpulan Dana dan Tajaan Program

- a. Cadangan Program Green Guardian yang telah diluluskan menetapkan supaya YHM merancang strategi kewangan untuk membiayai dan memastikan program supaya dapat dilaksanakan secara berterusan selama tempoh lima tahun. YHM perlu mendapatkan kerjasama strategik dan kolaborasi daripada agensi kerajaan dan badan swasta melalui pengumpulan dana dan tajaan.
- b. Semakan Audit mendapati YHM telah memperoleh dana bagi Program Green Guardian daripada Kerajaan dan swasta berjumlah RM15.47 juta bagi tempoh tahun kewangan 2018 hingga 2022. YHM telah menerima geran Kerajaan berjumlah RM13.98 juta serta sumbangan daripada lima badan swasta berjumlah RM1.49 juta. Dana ini digunakan untuk pembayaran pembinaan pusat program, pengubahsuaian, bayaran operasi seperti penyelenggaraan, sewaan, lesen, bayaran operator dan lain-lain. Pengumpulan dana Program Green Guardian oleh YHM adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENGUMPULAN DANA PROGRAM GREEN GUARDIAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 HINGGA 2022

DANA/ SUMBANGAN	TAHUN KEWANGAN					JUMLAH (RM Juta)
	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022* (RM Juta)	
Kerajaan (UKAS)	7.25	4.75	-	-	-	12.00
Kerajaan (AAIBE)	-	-	1.48	0.30	0.20	1.98
Swasta	0.05	1.14	0.30	-	-	1.49
JUMLAH	7.30	5.89	1.78	0.30	0.20	15.47

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021, Akaun Pengurusan Berakhir 31 Mac 2022 serta Fail Sumbangan Program

Nota: (*) - Pengumpulan dana setakat 31 Mac 2022

- c. Perjanjian antara YHM dan operator program memberarkan operator program untuk mendapatkan tajaan sepanjang tempoh perjanjian. Operator berhak mendapat komisen sebanyak 15% untuk tajaan yang melebihi RM200,000. Semakan Audit mendapati **tiada sumbangan atau tajaan daripada mana-mana syarikat yang diterima oleh operator program**.
- d. Semakan Audit mendapati tajaan dan sumbangan daripada syarikat swasta adalah rendah jika dibandingkan dengan geran Kerajaan. Geran Kerajaan menyumbang sebanyak RM13.98 juta (90.4%) berbanding swasta sebanyak RM1.49 juta (9.6%). Dana yang diterima ini tidak mencukupi untuk menampung kos program setakat 31 Mac 2022 berjumlah RM18.93 juta.

- e. Semakan selanjutnya terhadap pengumpulan dana dan tajaan bagi Program ESTECC dan Cetree & GT-USM diperoleh daripada geran Kerajaan. Kedua-dua program ini tidak menetapkan keperluan agar YHM mendapatkan sumbangan swasta.

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022

YHM dengan kerjasama operator Program Green Guardian telah sedaya upaya mendapatkan sumbangan daripada syarikat swasta mengikut kapasiti dan komitmen pelaksanaan program. Usaha mendapatkan sumbangan dana bersama tidak dapat dilaksanakan kerana penguatkuasaan PKP.

Pendapat Audit	Pengumpulan dana dan tajaan oleh YHM bagi Program Green Guardian adalah kurang cekap terutamanya daripada aspek sumbangan pihak swasta. Jumlah dana dan tajaan yang diterima masih belum dapat menampung kos operasi program.
-----------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

5.2.2. Pelaksanaan Program dan Pemantauan

5.2.2.1. Perolehan Program

- a. Menurut Polisi Perolehan, program yang dibolehkan menggunakan rundingan terus adalah melibatkan keperluan terdesak, pengedar yang konsisten dan seragam, hanya seorang pengedar, melibatkan keselamatan dan isu strategik serta kontrak dengan syarikat bumiputera. Semua perolehan yang melebihi RM100,000 dan diuruskan secara rundingan terus perlu mendapat kelulusan Pengerusi LPA.

- b. Semakan Audit mendapati perolehan Program Green Guardian di The Curve dibuat secara rundingan terus dan diluluskan oleh YB Menteri KeTTHA selaku Pengerusi LPA YHM pada 26 Mac 2017. Perolehan program ini telah ditawarkan secara rundingan terus dengan kos program berjumlah RM12 juta. Justifikasi kaedah perolehan adalah disebabkan syarikat tersebut merupakan satu-satunya ejen berlesen utama di Malaysia bagi Discovery Kids Curiosity Centre (DKCC) daripada Discovery Channel untuk seluruh Asia. Pembinaan telah dimulakan pada 23 Oktober 2017 dan disiapkan pada 29 Oktober 2018. Kerja-kerja yang perlu dilaksanakan operator program adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KERJA-KERJA YANG PERLU DILAKSANAKAN OLEH OPERATOR PROGRAM

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	<i>Sub-License Fees</i>	5.00
2.	<i>Building & Renovation of Discovery Kids Curiosity Centre</i>	0.99
3.	<i>Services for Operation of Discovery Kids Curiosity Centre</i>	-
4.	<i>Building and Renovation of Mobile Interactive Multimedia Class Room</i>	1.81
5.	<i>Development of Interactive Multimedia Content</i>	2.00
6.	<i>School Event</i>	-
7.	<i>Live Streaming</i>	1.16
8.	<i>Other Services</i>	1.04
JUMLAH KESELURUHAN		12.00

Sumber: Perjanjian Program Green Guardian di The Curve

- c. Semakan Audit juga mendapati perolehan bagi pembinaan Program Green Guardian di PSN melalui pembiayaan dana AAIBE turut ditawarkan secara terus kepada operator program yang sama dengan kos pembinaan berjumlah RM1.98 juta.
- d. Semakan Audit terhadap Program ESTECC mendapati perolehan program adalah melalui tawaran bidaan secara *request for proposal* kepada syarikat berkelayakan manakala Program Cetree & GT-USM merupakan program usahama. Pengurusan perolehan kedua-dua program ini telah mematuhi Polisi Perolehan YHM.

5.2.2.2. Perjanjian dengan Operator Program

- a. Operator program yang dilantik adalah bertanggungjawab bagi pembinaan dan pengubahsuaian pusat program serta menguruskan operasi Program Green Guardian di The Curve. Selain itu, operator program juga dilantik bagi pengubahsuaian tapak program di PSN serta turut menguruskan operasi.
- b. Semakan Audit mendapati perjanjian antara YHM dan operator program bagi pembinaan di The Curve telah ditandatangani pada 23 Oktober 2017. Perjanjian tambahan pula disediakan bagi perkhidmatan operasi program serta penyelenggaraan *mobile classroom* dan ditandatangani pada 15 Oktober 2018. **Bagaimanapun, tiada dokumen dikemukakan berkaitan perjanjian antara YHM dan operator program bagi pembinaan Program Green Guardian di PSN.**

- c. Semakan Audit terhadap Program ESTECC dan Program Cetree & GT-USM pula mendapati pengurusan perjanjian telah dilaksanakan dengan baik.

5.2.2.3. Operasi Program

- a. Cadangan pelaksanaan Program Green Guardian yang diluluskan oleh YB Menteri selaku Pengerusi YHM pada 28 September 2016 adalah bagi tempoh lima tahun. Permohonan peruntukan kepada Ketua Pengarah, UKAS pada 10 November 2016 turut memaklumkan program ini akan mengambil masa selama lima tahun untuk dilaksanakan.
- b. Semakan Audit mendapati pusat Program Green Guardian telah dibina di The Curve dan beroperasi dari bulan Oktober 2018 hingga Februari 2020 sahaja. Selepas tarikh berkenaan, program di The Curve ditutup disebabkan perancangan perpindahan ke PSN. Perpindahan ini disebabkan PSN mempunyai ruang yang lebih luas iaitu 4,000 kaki persegi dan boleh menampung lebih banyak pengunjung memandangkan ketiadaan pengunjung di The Curve akibat penularan Covid-19.
- c. Pemeriksaan Audit mendapati **Program Green Guardian di PSN masih belum beroperasi walaupun pembinaan pusat program telah disiapkan pada 31 Disember 2020**. Penangguhan operasi ini berpunca daripada penularan Covid-19 dan penguatkuasaan PKP oleh Kerajaan. Selain itu, **struktur harga jualan tiket bagi pengunjung memasuki Program Green Guardian juga belum diputuskan dan masih dalam perbincangan dengan PSN**. Program yang masih belum beroperasi ini menyebabkan sasaran 100,000 penyertaan setahun dan pendedahan pelajar-pelajar sekolah rendah mengenai aspek kepentingan gaya hidup hijau dan sihat, penjagaan alam sekitar dan teknologi hijau tidak dicapai.
- d. Semakan Audit terhadap Program ESTECC dan Program Cetree & GT-USM pula mendapati pengurusan operasi program telah dilaksanakan seperti yang dirancang.

5.2.2.4. Perbelanjaan Program

- a. Perjanjian antara YHM dan operator program bagi pembinaan pusat Program Green Guardian di The Curve menetapkan pembayaran dibuat mengikut perbatuan kemajuan kerja dengan jumlah keseluruhan RM12 juta. Perjanjian tambahan pula menetapkan YHM untuk membuat bayaran operasi kepada operator program dengan jumlah RM140,000 sebulan tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan pada kadar 6%.
- b. Semakan Audit mendapati setakat bulan April 2022, YHM telah membuat keseluruhan bayaran kepada operator program berjumlah RM12 juta bagi pembinaan pusat program. Bagaimanapun, **invois operator program bertarikh 9 Februari 2022 menunjukkan YHM masih mempunyai tunggakan bayaran operasi dan penyelenggaraan mobile classroom kepada operator program berjumlah RM3.31 juta.**
- c. Perjanjian pembinaan pusat Program Green Guardian di The Curve menetapkan pembayaran *sub license fee* berjumlah RM5 juta untuk tempoh lima tahun bermula 23 Oktober 2017 hingga 22 Oktober 2022 (60 bulan). Semakan Audit mendapati YHM telah membuat bayaran *sub license fee* berjumlah RM5 juta kepada operator program pada 15 November 2017. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **lesen tidak digunakan dari 23 Oktober 2017 hingga 14 Oktober 2018 (12 bulan) kerana pusat program masih dalam pembinaan. Penggunaan lesen hanya bermula pada 15 Oktober 2018. Lesen hanya digunakan hingga 29 Februari 2020 (16 bulan) disebabkan perpindahan pusat program ke PSN. Program di PSN masih tidak beroperasi hingga tarikh pengauditan (27 bulan).**
- d. Semakan Audit terhadap Program ESTECC dan Program Cetree & GT-USM pula mendapati pengurusan perbelanjaan program telah dilaksanakan mengikut bajet yang diluluskan dan mematuhi Polisi Perolehan YHM yang ditetapkan.

5.2.2.5. Peralatan dan Kelengkapan Program

- a. Perjanjian menetapkan operator program untuk melaksanakan pengubahsuaian dan pembelian peralatan dan kelengkapan bagi Program Green Guardian di The Curve. Merujuk Polisi Perolehan YHM 4.3, perubahan dalam lingkungan 30% daripada nilai kontrak asal terhadap tender bernilai melebihi RM500,000 hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kewangan dan sokongan daripada Lembaga Tender A.
- b. Semakan Audit mendapati pembelian serta pemasangan peralatan dan kelengkapan telah dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat pertambahan kos pengubahsuaian bernilai RM200,000 dan pengurangan spesifikasi serta kuantiti peralatan bernilai RM17,650. Semakan selanjutnya mendapati keseluruhan nilai kontrak berjumlah RM12 juta tidak berubah disebabkan perubahan harga dengan jumlah RM182,350 ini ditanggung oleh operator program.
- c. Semakan selanjutnya mendapati operator program telah memaklumkan kepada YHM pada 16 Julai 2018 berkenaan perubahan harga terhadap pengubahsuaian ruang dan kuantiti peralatan yang dibekalkan. Bagaimanapun, **pihak Audit mendapati sokongan daripada Lembaga Tender A dan kelulusan daripada Jawatankuasa Kewangan tidak diperoleh**. Perubahan harga pengubahsuaian dan perbezaan kuantiti serta jenis peralatan yang diterima adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERUBAHAN HARGA PENGUBAHSUAIAN DAN PERBEZAAN KUANTITI
SERTA JENIS PERALATAN YANG DITERIMA

BIL.	BUTIRAN	PERJANJIAN		SEBENAR		PERBEZAAN	
		KUANTITI	JUMLAH (RM)	KUANTITI	JUMLAH (RM)	KUANTITI	JUMLAH (RM)
PENGUBAHSUAIAN							
1.	<i>Renovation</i>	1 lot	300,000	1 lot	500,000	-	200,000
2.	<i>Local System Integration and Installation</i>	1	40,000	1	40,000	-	-
3.	<i>Interior Designs and Painting</i>	1	50,000	1	50,000	-	-
JUMLAH PENGUBAHSUAIAN		390,000		590,000		200,000	
PERALATAN DAN KELENGKAPAN							
1.	<i>Main Projector</i>	3	60,000	4	80,000	1	20,000
2.	<i>Touch Screen Projector</i>	12	180,000	13	195,000	1	15,000

BIL.	BUTIRAN	PERJANJIAN		SEBENAR		PERBEZAAN	
		KUANTITI	JUMLAH (RM)	KUANTITI	JUMLAH (RM)	KUANTITI	JUMLAH (RM)
3.	<i>Sound System</i>	6	45,000	6	45,000	0	0
4.	<i>iPad Pro 12.9inch</i>	4	16,000	0	0	(4)*	(16,000)
5.	<i>iPad Pro 9.7inch</i>	4	12,000	3	5,400	(1)	(6,600)
6.	<i>iPad Air 2</i>	10	25,000	13	19,500	3	(5,500)
7.	<i>iMac</i>	8	52,000	0	0	(8)*	(52,000)
8.	<i>Server</i>	2	30,000	2	30,000	0	0
9.	<i>Backup Server</i>	2	20,000	1	10,000	(1)	(10,000)
10.	<i>Bluetooth Sound System</i>	6	18,000	6	18,000	0	0
11.	<i>CCTV</i>	4	20,000	21	40,000	17	20,000
12.	<i>Furniture & Fittings</i>	1 lot	120,000	1 lot	120,000	0	0
13.	<i>Printer</i>	0	0	2	1,350	2	1,350
14.	<i>Scanner</i>	0	0	1	1,500	1	1,500
15.	<i>Laptop</i>	0	0	1	2,000	1	2,000
16.	<i>Light Remote Controller</i>	0	0	3	900	3	900
17.	<i>Fire Extinguisher</i>	0	0	9	2,700	9	2,700
18.	<i>High Spec Laptop For Software</i>	0	0	2	9,000	2	9,000
JUMLAH KOS PERALATAN DAN KELENGKAPAN			598,000		580,350		(17,650)

Sumber: Perjanjian dan Senarai Aset Program Green Guardian

Nota: (*) - Barang tidak dibekalkan oleh operator program

- d. Semakan Audit mendapati pengubahsuaian, perolehan dan pemasangan peralatan serta kelengkapan untuk membina pusat program telah selesai pada 29 Oktober 2018. Bagaimanapun, pada 29 Februari 2020, semua pengubahsuaian yang dilaksanakan oleh operator program di The Curve terpaksa dibuka/ditanggalkan bagi mengosongkan tempat penyewaan apabila pusat program dipindahkan ke PSN. Perpindahan yang dilaksanakan menyebabkan aktiviti pengubahsuaian, local system intergration and installation dan interior design and painting yang telah dilaksanakan bernilai RM0.59 juta tidak dimanfaatkan.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua peralatan dan kelengkapan yang dibeli bagi kegunaan program di The Curve berjumlah RM0.58 juta tidak dibawa ke PSN apabila Program Green Guardian dipindahkan lokasinya. Ketua Pegawai Program dalam temu bual pada 18 Mei 2022 memaklumkan bahawa peralatan dan kelengkapan tersebut tidak dibawa ke PSN kerana tidak sesuai untuk digunakan.

f. Pihak Audit juga mendapati **YHM telah menyerahkan semua peralatan dan kelengkapan tersebut kepada operator program dengan nilai RM180,000**. Serahan ini dibuat bagi mengurangkan jumlah tunggakan operasi dengan operator program. **Serahan ini juga menyebabkan YHM tidak dapat menggunakan peralatan dan kelengkapan sehingga tamat tempoh program. Jumlah perbezaan antara pembelian dan nilai serahan adalah RM400,350.**

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022 dan 1 Julai 2022

Merujuk klaus 4.2 (c) dan 20.2 perjanjian utama, rujukan dokumen antara YHM dan operator program Green Guardian adalah melalui surat perjanjian dan skop kerja yang perlu dilaksanakan. YHM perlu berhubung secara bertulis dengan operator program untuk membangunkan lebih daripada satu pusat. Susulan itu, YHM telah mendapat persetujuan dengan operator program melalui surat bertarikh 27 September 2019.

PKP yang dikuatkuasakan pada tahun 2020 dan 2021 serta penutupan PSN telah menjelaskan perancangan operasi program seterusnya tempoh kerjasama antara YHM dan PSN telah berakhir pada 31 Mac 2022. YHM telah mengemukakan surat untuk memohon perlanjutan kerjasama pada 17 Mac 2022 dan masih belum menerima maklum balas PSN.

Tunggakan bayaran operasi dan penyelengaraan disebabkan program tidak menerima dana bagi menampung kos operasi. Usaha untuk mendapatkan sumbangan dana tidak dapat dilaksanakan secara efektif kerana PKP. YHM telah merancang kaedah untuk mengurangkan bayaran yang dituntut oleh operator program yang akan dibawa untuk kelulusan LPA pada bulan Julai 2022.

YHM telah diberi kebenaran mengguna pakai harta lesen berkuat kuasa dari tarikh 23 Oktober 2017 untuk tempoh 60 bulan. Program tidak dapat beroperasi disebabkan PKP yang dikuatkuasakan pada tahun 2020 dan 2021 serta penutupan PSN yang telah menjelaskan perancangan operasi program. Program akan beroperasi semula selepas mendapat keputusan daripada Mesyuarat LPA pada bulan Julai 2022 serta kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk penganjuran program bersama pelajar sekolah yang dijangka pada awal bulan Ogos 2022.

Tiada perubahan terhadap nilai kontrak berjumlah RM12 juta memandangkan perubahan harga dengan jumlah RM182,350 ditanggung sepenuhnya oleh operator program. Oleh itu, tiada keperluan untuk mendapat sokongan daripada Lembaga Tender A dan kelulusan Jawatankuasa Kewangan.

Pengubahsuaian yang dibuka tidak dapat dielakkan kerana kerja yang dilaksanakan bersifat kekal (fittings) dan bukan mudah alih. Peralatan dan kelengkapan untuk Program Green Guardian di The Curve telah mengalami susut nilai dan diimbangkan mengikut amalan korporat. Seterusnya, jumlah tersebut telah diimbangi dengan tunggakan operasi program. Perkara ini telah mendapat persetujuan daripada operator program seperti ketetapan dalam dokumen perhubungan yang memberikan hak *first right of refusal* kepadanya bagi mengambil balik peralatan.

Pendapat Audit | **Pengurusan aktiviti Program Green Guardian adalah kurang cekap dan tidak teratur. Perjanjian tambahan bagi pembinaan pusat di PSN tidak disediakan. Selain itu, pusat program di PSN masih belum beroperasi. YHM juga mempunyai tunggakan berjumlah RM3.31 juta. Pusat program, peralatan dan kelengkapan di The Curve bernilai RM0.99 juta tidak dimanfaatkan.**

5.3. Tadbir Urus Korporat

- a. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. YHM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777], SSM, perlombagaan syarikat, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] Disember 2014, SOP dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain itu, antara rujukan amalan terbaik tadbir urus korporat ialah Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) April 2021 dan The Green Book - Enhancing Board Effectiveness (Green Book).
- b. Semakan Audit mendapati lima daripada lapan aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya. Tiga aspek tadbir urus korporat yang diamalkan ialah Pengerusi, KPE dan Setiausaha Syarikat. **Lima aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah LPA, SOP, Pelan Strategik dan KPI, JKA dan Audit Dalam.** Penemuan Audit berkaitan amalan tadbir urus korporat adalah dalam seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pemegang Amanah (LPA)	Surat pelantikan ahli LPA menetapkan tempoh pelantikan bagi ahli LPA adalah selama dua tahun.	12 ahli LPA YHM yang dilantik telah berkhidmat kurang dari dua tahun (24 bulan) kerana meletak jawatan. Tempoh berkhidmat adalah antara lima hingga 21 bulan. Tempoh perkhidmatan yang singkat disebabkan peletakan jawatan menunjukkan imej yang kurang baik terhadap tadbir urus korporat YHM. Selain itu, perkara ini memberi kesan kepada perubahan hala tuju syarikat (KPI).
Prosedur Operasi Standard (SOP)	Seksyen 246 Akta Syarikat 2016 [Akta 777] menetapkan, pengarah bagi sebuah syarikat awam atau subsidiari bagi syarikat awam hendaklah mempunyai suatu sistem kawalan dalam yang memberi jaminan yang munasabah bagi melindungi aset syarikat daripada kerugian akibat penggunaan dan pelupusan dan memastikan semua transaksi yang direkodkan adalah betul.	YHM tidak menyediakan SOP berkaitan dengan pelaksanaan program promosi, pendidikan dan kesedaran.
Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	<p>MCCG 2021 amalan 1.1, panduan G1.1 dan MKD Handbook perenggan 2.2(b) menyatakan antara tanggungjawab Lembaga Pengarah adalah memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, Pelan Perniagaan yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Lembaga Pengarah dipertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan syarikat melaksanakan mandat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pelan Perniagaan yang baik sepatutnya secara spesifik untuk syarikat melaksanakan strategi jangka pendek dan panjang yang boleh diukur dalam bentuk KPI.</p> <p>Amalan terbaik dalam Green Book bahagian 1 perenggan 3.2 dan MKD Handbook, perenggan 3.33 hingga 3.35 menyarankan peranan Lembaga Pengarah untuk memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI yang diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pelan Strategik YHM jangka panjang bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 tidak disediakan. YHM hanya menyediakan Pelan Strategik lima tahun bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 dan telah diluluskan oleh LPA pada 28 Jun 2021. Sasaran dan pencapaian KPI bagi pelaksanaan program tidak disediakan secara menyeluruh. Namun begitu, pencapaian bagi setiap program yang dijalankan di bawah YHM ada disediakan dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat LPA serta telah diluluskan. Sasaran dan pencapaian syarikat tidak dapat dipantau oleh LPA disebabkan sasaran dan pencapaian KPI YHM tidak disediakan.
Jawatankuasa Audit (JKA)	<p>MCCG 2021 amalan 9.4 menetapkan Pengerusi JKA yang dilantik hendaklah merupakan Pengarah Bebas dan bukan Pengerusi Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga hendaklah menubuhkan JKA yang terdiri daripada majoriti pengarah bebas, untuk menyelia rangka kerja dan dasar pengurusan syarikat.</p> <p>MCCG 2021 amalan 9.5 menetapkan kesemua ahli JKA hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan dan dapat memahami perkara di bawah kuasa JKA termasuk proses pelaporan penyata kewangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pengerusi JKA bagi YHM merupakan Pengarah berstatus Bukan Bebas. Pelantikan ahli JKA telah mendapat kelulusan di Mesyuarat LPA dan kesemua ahli JKA yang dilantik merupakan Pengarah berstatus Bukan Bebas. Kesemua ahli JKA tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan. Bagi tempoh 1 Mei 2021 hingga bulan Mac 2022, JKA YHM masih belum bermesyuarat.
Audit Dalam	Menurut MCCG 2021 panduan 11.1, fungsi audit dalam merupakan sumber nasihat yang penting bagi JKA untuk mengenal pasti kelemahan atau kekurangan dalam proses dalaman justeru, memudahkan langkah-langkah pemulihan yang perlu dijalankan oleh syarikat.	Setakat bulan Mac 2022, YHM belum menubuhkan Audit Dalam syarikat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas YHM yang diterima pada 16 Jun 2022

Merujuk kepada Klausula 50 dalam Perlembagaan YHM, tempoh pelantikan LPA adalah dua tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada kelulusan Pengerusi atau Menteri yang mengawal selia YHM. Khidmat 12 ahli LPA YHM kurang dari dua tahun adalah disebabkan oleh ahli LPA bersara daripada perkhidmatan awam dan kesan perubahan pentadbiran Kerajaan. Perkara ini akan dibangkitkan dalam mesyuarat LPA yang akan datang.

YHM juga telah membuat penambahbaikan kepada SOP berkaitan pelaksanaan program promosi, pendidikan dan kesedaran. Penyediaan Pelan Strategik Lima Tahun pula akan dilaksanakan oleh pengurusan YHM secara berterusan. YHM akan melaksanakan penambahbaikan penetapan sasaran KPI utama secara menyeluruh untuk tahun semasa dan berikutnya.

Pelantikan seorang ahli LPA yang mempunyai latar belakang perakaunan dan berstatus bebas telah mendapat kelulusan SSM pada 12 Mei 2022. Pencalonan ahli LPA berstatus bebas sebagai Pengerusi JKA akan dibentangkan dalam mesyuarat LPA akan datang untuk kelulusan. Proses pelantikan dijangka akan selesai selewat-lewatnya pada 31 Julai 2022. Usul berkaitan komposisi ahli JKA akan dibentangkan kepada LPA. Mesyuarat JKA telah dijadual untuk diadakan pada 8 Julai 2022.

LPA pada 31 Mac 2022 telah menyarankan pengurusan YHM untuk menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD). Cadangan penubuhan UAD dan pelantikan serta terma saraan pegawai Audit Dalam di YHM akan dibentangkan dalam mesyuarat BNRC yang akan diadakan pada 23 Jun 2022 untuk kelulusan. Seterusnya, Terma Rujukan UAD YHM akan dibentangkan dalam mesyuarat JKA yang akan diadakan pada 8 Julai 2022 untuk kelulusan. Kertas Pertimbangan Lembaga akan dibentangkan dalam mesyuarat LPA yang akan diadakan pada bulan Julai 2022. Proses pelantikan akan mula dilaksanakan setelah mendapat kelulusan LPA.

Pendapat Audit | **Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat YHM adalah memuaskan.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan YHM bagi melaksanakan program promosi, pendidikan serta kesedaran untuk meningkatkan aplikasi teknologi hijau dan penghayatan terhadap gaya hidup hijau belum dicapai. Prestasi output adalah kurang cekap kerana hanya mencapai 50% sasaran KPI Pengumpulan Dana dan KPI Perbelanjaan Operasi manakala sasaran KPI Projek tidak ditetapkan. YHM tidak dapat mengekalkan nisbah rizab operasi minimum pada kadar 0.60 seperti yang disasarkan. Peranan dan hala tuju operasi YHM juga tersasar daripada objektif penubuhannya. YHM juga tidak menyediakan kaedah pengukuran dan melaksanakan penilaian terhadap keberhasilan program.

6.2. Pengurusan aktiviti Program Green Guardian pula dilaksanakan secara kurang cekap dan teratur hingga menyebabkan pusat program dan peralatan serta kelengkapan di The Curve tidak dapat dimanfaatkan akibat perpindahan tapak pusat program. Selain itu, terdapat tunggakan pembayaran bagi program ini. Program juga hanya beroperasi selama 16 bulan. Bagi aspek amalan terbaik tadbir urus korporat, secara keseluruhannya berada pada tahap memuaskan, namun memerlukan penambahbaikan bagi lima aspek iaitu LPA; SOP; Pelan Strategik dan KPI; JKA dan Audit Dalam. Bagi aspek kedudukan kewangan pula, YHM berada pada tahap stabil dengan lebihan terkumpul RM7.11 juta.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi aktiviti promosi, pendidikan dan kesedaran terhadap aplikasi teknologi hijau dan gaya hidup serta memantapkan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan LPA YHM perlu mengambil langkah yang berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. menetapkan sasaran output yang menyeluruh dan boleh diukur supaya pelaksanaan program mempunyai hala tuju yang jelas. Selain itu, keberhasilan program juga perlu dinilai bagi menentukan impak dan keberkesaan program terhadap objektif penubuhan YHM;
- ii. memastikan program yang dilaksanakan adalah selaras dengan Perlembagaan yang berkuat kuasa;

- iii. meningkatkan usaha dalam pengumpulan dana terutamanya daripada sektor swasta bagi membiayai program yang akan dilaksanakan tanpa menumpukan terimaan melalui geran Kerajaan. YHM juga disarankan untuk membuka keahlian korporat kepada syarikat swasta yang berkaitan bagi meningkatkan pendapatan dan sumbangan kepakaran;
- iv. menyelesaikan tunggakan bayaran kepada operator program terlibat dengan segera bagi mengelakkan sebarang tuntutan perundungan dikenakan pada masa hadapan; dan
- v. memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek LPA, SOP, Pelan Strategik dan KPI, JKA dan Audit Dalam.